

**CERITA JENAKA BAJAU DI PULAU BUM-BUM
SEMPORNA, SABAH: ANALISIS UNSUR
KEJANGGALAN DAN KESAN POSITIF HUMOR
TERHADAP KESIHATAN EMOSI PENDENGAR**



DATU MOHD. MAZUDAH BIN INDAL JAYA

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2015**

**CERITA JENAKA BAJAU DI PULAU BUM-BUM
SEMPORNA, SABAH: ANALISIS UNSUR
KEJANGGALAN DAN KESAN POSITIF HUMOR
TERHADAP KESIHATAN EMOSI PENDENGAR**

DATU MOHD. MAZUDAH BIN INDAL JAYA



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA**


**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2015**

PENAKUAN

Tulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

Ogos 2015

Datu Mohd. Mazudah
MC 1221009 T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : DATU MOHD. MAZUDAH BIN INDAL JAYA
KAD MATRIK : MC 1221 009 T
TAJUK : CERITA JENAKA BAJAU DI PULAU BUM-BUM,
SEMPORNA, SABAH: ANALISIS UNSUR
KEJANGGALAN DAN KESAN POSITIF HUMOR
TERHADAP KESIHATAN EMOSI PENDENGAR
IJAZAH : IJAZAH SARJANA SASTERA
(SENI KREATIF)
TARIKH VIVA : 2 JULAI 2015



1. PENYELIA UTAMA

Profesor Madya Dr. Low Kok On

DISAHKAN OLEH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah S.W.T yang maha pengasih lagi maha penyayang, kerana dengan limpah kurnia-Nya tesis ini dapat disiapkan seperti yang dirancang. Terlebih dahulu setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Low Kok On yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar sejak tesis ini mula ditulis sehinggalah berjaya disiapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada *Long Term Research Grant Scheme-/LRGS/TD/2012/USM-UKM/KT/03* dan Unit Penyelidikan Warisan Borneo, Universiti Malaysia Sabah di atas sumbangan geran sepanjang kajian ini dijalankan. Ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak Pejabat Daerah Semporna, Ketua-ketua Kampung dan beberapa individu yang sudi membantu pengkaji dengan memperkenalkan informan-informan penting bagi kajian ini. Ucapan terima kasih turut diberikan kepada Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Negeri Sabah, Arkib Cawangan Negeri Sabah dan Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Haji Fuad Stephen (Yayasan Sabah), Perpustakaan Cawangan Negeri Sarawak dan Perpustakaan Negeri Sabah (JKKN).

Pada kesempatan ini juga, pengkaji mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan serta rakan-rakan seperjuangan lain yang sudi menghulurkan bantuan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Tidak ketinggalan ahli keluarga tercinta, Ayah, Ibu, Isteri dan keluarga yang sentiasa memberi dorongan serta semangat sehinggalah tesis ini berjaya disiapkan dengan mudah.

ABSTRAK

Cerita jenaka merupakan salah satu genre cerita rakyat, yang mengandungi unsur-unsur jenaka. Cerita jenaka bukan sahaja menimbulkan rasa geli hati bagi orang yang mendengarnya, bahkan pencerita yang menceritakannya. Cerita jenaka sememangnya diminati ramai kerana sifat wataknya yang lucu dan menghiburkan hati. Cerita jenis ini disampaikan melalui lisan pada ketika dahulu. Kajian yang berasaskan kerja lapangan ini telah dijalankan di beberapa buah kampung di Pulau Bum-Bum, Daerah Semporna, Sabah. Dalam kerja lapangan yang telah dilakukan sejumlah dua puluh sembilan buah cerita jenaka yang diceritakan oleh informan suku kaum Bajau telah dirakam dan ditranskripsi. Watak-watak jenaka seperti Si Pusung, Si Abu Nawas dan Si Andopal didapati amat popular dalam masyarakat suku kaum Bajau di Semporna. Watak-watak jenaka seperti ini memiliki sifat pintar, licik, bodoh dan sial, yang mempunyai unsur humor lalu membuat pendengar ketawa. Kajian ini memberikan tumpuan kepada dokumentasi dan pengkategorian cerita-cerita jenaka suku kaum Bajau, diikuti dengan analisis unsur-unsur kejanggalan dan kesan positif humor terhadap kesihatan emosi pendengar. Hasil analisis mendapati cerita jenaka suku kaum Bajau memiliki banyak unsur-unsur kejanggalan yang menyebabkan pendengar dan pencerita ketawa. Dalam kajian psikologi dan humor, ketawa akan melegakan perasaan dan emosi seseorang serta mendatangkan manfaat kepada kesihatan emosinya. Menerusi kajian ini, watak-watak jenaka, unsur-unsur kejanggalan dan kesan positif humor dalam cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum, Semporna, akan ditonjolkan kepada umum.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

HUMOUR STORY OF THE BAJAU ETHNIC OF BUM-BUM ISLAND, SEMPORNA, SABAH: AN ANALYSIS OF ELEMENTS OF AWKWARDNESS AND THE POSITIVE IMPACT OF HUMOUR TOWARDS AUDIENCE'S EMOTION

Humour story is a genre of folklore which contains elements of humour. These stories will trigger laughter not only to the audience but also the one who deliver the story. Humour story easily become favourite by majority of people because the characters are funny and joyful. These stories were once delivered verbally. A research base don field study was conducted in few villages in Bum-Bum Island, Semporna, Sabah. There were twenty nine humour story delivered by the Bajau ethnic being recorded and transcript during the research. The characters such as Si Pusung, Si Abu Nawas and Si Andopal are very popular among the Bajau in Semporna. These characters will focused on slick, stupid and bad luck which trigger laughter among audience. This research will focused on documentation and categorization of the Bajau's humour story followed by analysis of element of awkwardness and positive impact of humour on the audience's emotion. The analysis indicates the Bajau's humour story contains lots of awkwardness which trigger laughter among the audience and deliverer. In psychology and humour research, laughter will bring confort to one feeling and emotion hence and improve one's emotional health. The humour character, elements of awkwardness and positive impact of humour story of the Bajau in Bum-Bum Island, Semporna, will be publish to the public through this research.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
TABLE OF CONTENTS	vii
LIST OF TABLES	xi
LIST OF FIGURES	xii
LIST OF APPENDIX	xii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Metodologi Kajian	4
1.4.1 Kaedah Temu Bual	5
1.4.2 Transkripsi	5
1.4.3 Pengkategorian dan Pendokumentasian	5
1.4.4 Analisis Data	6
1.5 Lokasi Kajian	6
1.6 Batasan Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	8

1.8	Rumusan	9
BAB 2: SOROTAN LITERATUR		
2.1	Pengenalan	10
2.2	Sastera Rakyat: Satu Pengenalan	11
2.2.1	Cerita Jenaka	13
2.2.2	Definisi Unsur Jenaka	15
2.2.3	Fungsi dan Kesan Cerita Jenaka	17
2.2.4	Kategori Watak Cerita Jenaka	18
2.3	Teori Kejanggalan	22
2.4	Teori Relief	25
2.5	Rumusan	29
BAB 3: KERJA LAPANGAN DAN HASIL KERJA LAPANGAN		
3.1	Pengenalan	31
3.2	Suku Kaum Bajau di Pulau Bum-Bum, Semporna: Satu Pengenalan	31
3.3	Kaedah Kerja Lapangan	35
3.3.1	Tahap Mengenal Pasti Lokasi Kajian dan Informan	36
3.3.2	Tahap Membuat Temu Janji dan Menemu Bual Informan	36
3.3.3	Tahap Mentranskripsi dan Mengkategorikan Cerita Jenaka	37
3.3.4	Tahap Menganalisis Cerita Jenaka Bajau di Pulau Bum-Bum	38
3.4	Hasil Kerja Lapangan (Teks Verbatim)	38
3.4.1	Teks Verbatim Cerita Jenaka Si Pusung	39
3.4.2	Teks Verbatim Cerita Jenaka Abu Nawas	76
3.4.3	Teks Verbatim Cerita Jenaka Binatang	77
3.4.4	Teks Verbatim Cerita Jenaka Watak Tanpa Nama	80

3.4.5	Teks Verbatim Cerita Jenaka Si Andopal	81
-------	--	----

BAB 4: PENGKATEGORIAN, KONTEKS DAN FUNGSI CERITA JENAKABAJAU DI PULAU BUM-BUM SEMPORNA

4.1	Pengenalan	84
4.2	Pengkategorian Watak Cerita Jenaka Bajau di Pulau Bum-Bum	84
4.2.1	Watak Jenaka Pintar Tuah	85
4.2.2	Watak Jenaka Pintar Malang	90
4.2.3	Watak Jenaka Bodoh Sial	91
4.2.4	Watak Jenaka Bodoh Tuah	95
4.2.5	Watak Jenaka Cekal Tuah	96
4.2.6	Rumusan Pengkategorian Watak Jenaka	97
4.3	Konteks Bercerita Suku Kaum Bajau di Pulau Bum-Bum	98
4.3.1	Konteks Bercerita pada Waktu Lapang	99
4.3.2	Konteks Bercerita pada Bila-bila Masa	100
4.3.3	Konteks Bercerita dalam Majlis Keramaian	100
4.3.4	Konteks Bercerita Semasa Menidurkan Anak	101
4.3.5	Konteks Bercerita dalam Upacara Menjaga Kubur	101
4.3.6	Rumusan	102
4.4	Fungsi Cerita Jenaka Suku Kaum Bajau di Pulau Bum-Bum	102
4.4.1	Fungsi Hiburan	102
4.4.2	Fungsi Sindiran dan Teladan (Pengajaran)	103
4.4.3	Fungsi Mengeratkan Hubungan Silaturrahim	104
4.4.4	Melegakan Tekanan Emosi dan Fikiran	104
4.5	Rumusan	104

**BAB 5: ANALISIS UNSUR KEJANGGALAN DAN ESAN UNSUR HUMOR
TERHADAP EMOSI PENDENGAR CERITA JENAKA**

5.1	Pengenalan	106
5.2	Analisis Unsur Kejanggalaan Cerita Jenaka Bajau Pulau Bum-Bum	107
5.2.1	Analisis Unsur Kejanggalaan Watak Pintar Tuah	107
5.2.2	Analisis Unsur Kejanggalaan Watak Pintar Malang	114
5.2.3	Analisis Unsur Kejanggalaan Watak Bodoh Sial	121
5.2.4	Analisis Unsur Kejanggalaan Watak Bodoh Tuah	121
5.2.5	Analisis Unsur Kejanggalaan Watak Cekal Tuah	121
5.3	Rumusan	122
5.4	Analisis Kesan Positif Humor Terhadap Emosi Pendengar Cerita	122
5.5	Analisis Kesan Positif Humor Terhadap Emosi Pendengar	125
5.6	Rumusan	133
BAB 6: PENUTUP		
6.1	Dapatan Kajian	135

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN A

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Masyarakat peribumi di Sabah seperti orang Kadazandusun, Murut, Bajau, Rungus dan beberapa etnik lain kaya dengan sastra lisan yang diperturunkan sejak zaman dahulu. Menurut Abdul Halim Bandan (2006: 15), masih terdapat banyak lagi cerita lisan kepunyaan peribumi Sabah yang belum diterokai. Berdasarkan tinjauan awal yang telah dijalankan di Pulau Bum-Bum, Semporna, pengkaji telah mengenal pasti beberapa orang informan, yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia masih mengingati cerita jenaka yang pernah didedahkan kepada mereka pada masa dahulu.

Sudah menjadi satu kelaziman dalam aktiviti bercerita bahawa golongan tua-tualah yang mempunyai banyak pengetahuan dalam menyampaikan cerita rakyat. Pencerita cerita rakyat terbahagi kepada dua golongan, iaitu pencerita bukan profesional dan pencerita profesional. Pencerita penglipur lara dalam budaya Melayu sebagai contoh tergolong sebagai pencerita profesional. Sehubungan itu, Siti Fatiemah Sa'at (2013: 87) mencatatkan bahawa penglipur lara dirujuk kepada penutur yang menyampaikan sesebuah cerita, seseorang yang tertentu dan khusus menjalankan pekerjaan untuk menglipur lara pendengar-pendengar. Hal ini berlainan dengan penduduk kampung di Pulau Bum-Bum, yang bercerita tanpa menerima sebarang upah. Menurut Mohd Aiyub bin Ahang (Informan), aktiviti menyampaikan cerita rakyat, khususnya cerita jenaka merupakan salah satu bentuk hiburan yang sangat diminati oleh suku kaum Bajau pada zaman dahulu namun pada masa sekarang tidak begitu kerap diceritakan lagi. Antara cerita jenaka yang diminati ialah cerita Si Pusung, Abu Nawas dan Si Andopal serta cerita-cerita binatang. Cerita-cerita sebegini biasanya akan disampaikan oleh golongan tua-tua kepada anak-anak dan cucu-cicit mereka pada waktu malam. Hal ini bertujuan untuk memberi nasihat dan pengajaran selain melegakan hati anak-anak mereka

agar terhibur sebelum tidur. Jelas informan lagi, ada kalanya aktiviti bercerita ini turut dilakukan pada waktu siang, iaitu semasa berehat atau setelah menyelesaikan sesuatu kerja. Orang kampung pada masa itu akan berkumpul sambil berbual-bual dan berkongsi apa-apa sahaja cerita rakyat, termasuk cerita jenaka.

Walau bagaimanapun, saban hari aktiviti bercerita ini semakin kurang diminati disebabkan beberapa faktor tertentu. Antara faktor utama ialah kemunculan teknologi moden seperti televisyen, telefon pintar, radio dan video, yang mendapat sambutan hangat daripada masyarakat umum. Kemajuan teknologi moden seperti ini sememangnya membawa kesan positif yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat. Akan tetapi, perubahan yang sangat ketara ini telah mengurangkan minat anggota masyarakat, khususnya penduduk di Pulau Bum-Bum terhadap aktiviti menyampaikan cerita rakyat. Menurut Mohd Aiyub dan beberapa orang informan lain, kemunculan alat hiburan moden sejak dari tahun-tahun 1970-an telah menarik perhatian masyarakat kepada bentuk hiburan moden seperti mendengar radio, menonton televisyen dan wayang di panggung wayang. Akibat daripada kemunculan alat-alat hiburan moden inilah yang menyebabkan masyarakat lebih cenderung menggunakan kemudahan tersebut untuk berhibur.

Kejadian seperti ini turut dinyatakan oleh Mohd. Taib Osman (1991: 3), bahawa masyarakat moden menghiburkan diri melalui tayangan filem atau televisyen manakala masyarakat tradisional pula mendengar orang bercerita. Oleh itu, kehilangan penutur cerita rakyat, khususnya dalam kalangan orang tua-tua menyebabkan aktiviti bercerita ini semakin berkurangan. Oleh hal yang demikian, penutur cerita rakyat yang masih ada di Pulau Bum-Bum, Semporna dianggap sebagai pemberi maklumat yang penting dalam kajian ini. Sebagai salah seorang penduduk kampung yang dibesarkan di Pulau Bum-Bum, pengkaji sejak kecil lagi didedahkan dengan cerita jenaka yang disampaikan oleh orang tua-tua pada suatu ketika dahulu. Hal ini disebabkan cerita jenaka kaya dengan unsur-unsur jenaka yang amat menghiburkan hati seseorang pendengar. Oleh itu, pengkaji tertarik untuk memilih cerita jenaka, yang diceritakan oleh penduduk kampung di Pulau Bum-Bum, sebagai bahan kajian dalam penyelidikan ini.

1.2 Permasalahan Kajian

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, aktiviti menyampaikan cerita rakyat sudah semakin tidak popular lagi pada masa sekarang. Berbanding dengan masa dahulu (tahun-tahun sebelum 1960-an), golongan muda di bawah umur 20-an lebih suka kepada bentuk hiburan moden seperti menonton televisyen, bermain permainan komputer, melayari internet dan permainan digital dengan menggunakan telefon bimbit. Hal ini menjadi satu kebimbangan kepada umum sekiranya golongan tua-tua yang masih mewarisi cerita jenaka hilang bersama setelah pemergian mereka pada suatu hari nanti. Sehubungan itu, pengkaji memilih untuk menjalankan kerja lapangan mengumpul cerita jenaka daripada informan Bajau di Pulau Bum-Bum bagi mendokumentasi salah satu khazanah sastera rakyat suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum, Semporna.

Jika diteliti, cerita jenaka seperti cerita Pak Pandir, Pak Belalang, Si Luncai dan Mat Jenin sememangnya amat popular di Malaysia. Cerita jenaka dalam budaya Melayu seperti ini bukan sahaja dijadikan sebagai bahan bacaan bahkan ada yang telah disiarkan sebagai filem (Nujum Pak Belalang, Pak Pandir dan Si Luncai) di kaca televisyen dan "Youtube". Namun, cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum seperti cerita jenaka Si Pusung, Si Andopal, Abu Nawas dan cerita binatang didapati kurang diketahui umum. Sungguh pun unsur kejenakaan yang terkandung dalam cerita jenaka suku kaum Bajau ini menarik dan menghiburkan hati pendengar namun, cerita ini tidak diketahui umum disebabkan kurangnya kajian yang dilakukan.

Seterusnya, masyarakat umum menganggap bahawa cerita jenaka hanya berfungsi sebagai hiburan semata-mata (merupakan sebuah cerita lucu lucu dan bersifat negatif). Walhal jika diteliti, cerita jenaka juga mempunyai keistimewaan yang tersendiri kerana mengandungi unsur humor yang menyebabkan pendengar ketawa dan berasa gembira. Unsur humor yang menyebabkan pendengar berasa geli hati dan ketawa akan meringankan rasa tekanan emosi seseorang. Kesan positif yang terkandung dalam cerita jenaka seperti ini sering tidak disedari umum. Berdasarkan tiga permasalahan kajian yang

dinyatakan di atas maka kajian ini akan memfokuskan kepada objektif-objektif kajian yang tersenarai di bawah.

1.3 Objektif Kajian

Antara objektif-objektif kajian yang ingin dicapai dalam sepanjang penyelidikan ini ialah:

1. Mengumpul dan mendokumentasi cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum, Semporna, Sabah.
2. Mengkategorikan cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum, Semporna yang terkumpul di lapangan berdasarkan sifat watak.
3. Menganalisis unsur-unsur humor dalam cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum berdasarkan Teori Kejanggalan (*Incongruity Theory*)
4. Menganalisis kesan positif humor berdasarkan Teori Relief (*Relief Theory*).

1.4 Metodologi dan Kaedah Kajian

Menurut Dundes (1982), iaitu pengkaji tradisi rakyat (*folklore*) Amerika yang terkenal, metodologi yang boleh digunakan dalam pengkajian sastera rakyat ialah, i) pengenalpastian bahan sastera rakyat (*identification*), ii) mengumpul data, dan iii) membuat interpretasi terhadap bahan sastera rakyat (*interpretation*).

Sehubungan itu, Toelken (1996: 347-348) dan Mohd. Taib Osman (1982: 15-16) melaporkan bahawa metodologi ini merangkumi tiga peringkat penting, iaitu peringkat pengumpulan data (*collecting data*), peringkat dokumentasi hasil kerja lapangan (*archiving*) dan peringkat penganalisan bahan tradisi rakyat yang telah didokumentasikan. Dalam peringkat pengumpulan cerita jenaka, pengkaji berasaskan kepada metodologi kerja lapangan (*fieldwork methodology*). Perincian terhadap kerja lapangan yang bakal dilakukan dalam kajian ini akan dijelaskan dalam Bab 3 nanti.

1.4.1 Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual ialah kaedah utama yang digunakan dalam menjalankan kerja lapangan. Setelah lokasi kajian dan informan dikenal pasti, pengkaji akan membuat temu janji untuk melakukan proses temu bual. Sebelum melawat informan, pengkaji terlebih dahulu menyediakan beberapa soalan yang akan diajukan kepada informan. Soalan-soalan kajian yang dimaksudkan akan disenaraikan dalam Bab Tiga kelak. Kaedah temu bual yang digunakan ialah kaedah temu bual secara mendalam (*in-dept interview*) dan kaedah temu bual secara berkumpulan (*focus group interview*). Dalam kaedah temu bual secara mendalam, pengkaji akan menemu bual informan secara perseorangan, manakala temu bual secara berkumpulan pula dilakukan dalam berkumpulan. Melalui temu bual bersama informan, pengkaji akan merakam perbualan dengan menggunakan alat perakam suara. Hal ini bertujuan untuk memudahkan pengkaji melakukan kerja mentranskripsi setiap rakaman ke dalam bentuk teks verbatim. Hal-hal terperinci tentang temu bual akan dijelaskan dalam Bab 3.

1.4.2 Transkripsi

Pengkaji akan mentranskripsi cerita jenaka yang dirakam daripada mulut informan ke dalam bentuk teks verbatim setiap kali selesainya menemu bual informan. Bagi memudahkan proses mentranskripsi, kesemua cerita jenaka yang telah dirakam akan dipindahkan ke dalam sistem komputer terlebih dahulu. Hal ini membolehkan pengkaji melakukan dua kerja secara serentak, iaitu mendengar dan menaip semula hasil rakaman. Adakalanya pengkaji terpaksa mendengar sesebuah hasil rakaman buat beberapa kali. Penggunaan perisian komputer seperti *Windows Media Player* berupaya menghasilkan suara yang lebih jelas dan mudah untuk dihentikan atau dimainkan semula.

1.4.3 Pengkategorian dan Pendokumentasian

Setelah cerita jenaka siap ditranskripsi ke dalam bentuk teks verbatim, pengkaji akan mula melakukan proses pengkategorian dan pendokumentasian cerita. Kaedah mengkategorikan dan mendokumentasikan merupakan satu proses yang memerlukan pembacaan dan pemahaman agar dapat mengenal pasti kategori watak dalam setiap cerita jenaka yang ditonjolkan. Hal ini dilakukan agar setiap

kategori cerita yang dikenal pasti dan didokumentasi saling mempunyai ciri-ciri persamaan berdasarkan sifat watak jenaka utama seperti pintar, bodoh sial, bodoh tuah, cekal tuah dan pintar malang.

1.4.4 Analisis Data

Dua unsur penting yang terkandung dalam cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum, iaitu unsur kejanggalan dan kesan positif humor terhadap emosi pendengar akan dianalisis dalam kajian ini. Penganalisisan akan dilakukan terhadap cerita jenaka hasil daripada kerja lapangan yang telah dikategorikan berdasarkan sifat watak seperti pintar, bodoh tuah, bodoh sial, cekal tuah dan pintar malang. Dua jenis teori kajian humor yang terkenal akan dipilih iaitu Teori Kejanggalan dan Teori Relief dipilih untuk menganalisis data kajian ini.


Teori Kejanggalan akan digunakan untuk mengenal pasti unsur-unsur kejanggalan yang menimbulkan suasana jenaka yang menyebabkan pendengar ketawa. Hasil daripada itu, unsur kejanggalan yang ditimbulkan oleh sifat watak-watak jenaka yang menyebabkan pendengar berasa geli hati dan ketawa dapat dikenal pasti. Manakala, Teori Relief pula digunakan untuk mengesahkan bahawa cerita jenaka yang menimbulkan suasana jenaka yang menyebabkan pendengar ketawa memberikan kelegaan terhadap tekanan emosi seseorang justeru membawa kesan positif terhadap kesihatannya. Reaksi informan ketika mendengar cerita jenaka turut dianalisis berasaskan Teori Relief dan interpretasi pengkaji. Teori Kejanggalan dan Teori Relief akan diberikan penjelasan dalam perbincangan selanjutnya.

1.5 Lokasi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih kawasan Mukim Pulau Bum-Bum, Semporna sebagai lokasi kajian. Daerah Semporna mempunyai bilangan penduduk sebanyak 133, 164 orang termasuk di Mukim Pulau Bum-Bum yang mempunyai penduduk sebanyak 75, 889 orang (Banci Penduduk Sabah, 2010), yang majoritinya ialah suku kaum Bajau. Suku kaum Bajau di Daerah Semporna boleh dipecahkan kepada beberapa sub etnik seperti Bajau Palauh, Bajau Omodal, Bajau Kubang, Bajau Sikuvung, Bajau Ubiyan dan Bajau Simunul (Abdul Halim Bandan,

2006: 12). Daerah Semporna juga merupakan sebuah kawasan yang memiliki kependudukan suku kaum Bajau yang paling padat di Sabah. Secara umumnya, masyarakat suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum ini bekerja sebagai petani dan nelayan. Sejak dahulu lagi, suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum terkenal sebagai nelayan yang memiliki kemahiran yang tinggi dalam menangkap ikan.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya menumpukan perhatian kajian di kawasan Pulau Bum-Bum sahaja memandangkan Pulau Bum-Bum mempunyai sebanyak tiga puluh empat buah kampung dengan penduduk suku kaum Bajau, yang dianggarkan sebanyak penduduknya juga didominasi oleh suku kaum Bajau yang dianggarkan seramai 22, 000 orang mendiami di sebanyak tiga puluh empat buah kampung (Pejabat Daerah Semporna, 2013). Daripada jumlah kampung tersebut, pengkaji hanya memilih sejumlah sepuluh buah kampung iaitu Kampung Egang-Egang, Kampung Look Butun, Kampung Tundun, Kampung Gusung Melanta, Kampung Bum-Bun, Kampung Balimbang, Kampung Terusan Baru, Kampung Egang-Egang Lama, Kampung Pallang-Pallang dan Kampung Gelam-Gelam untuk mengumpul cerita jenaka. Pengkaji telah memilih sepuluh buah kampung ini disebabkan kampung-kampung ini mempunyai informan yang masih mengingati cerita jenaka. Lokasi kajian ditunjukkan dalam Rajah 1 :



Rajah 1 : Peta Pulau Bum-Bum, Semporna.

Sumber : Pejabat Daerah, Semporna (2010)

1.6 Batasan Kajian

Memandangkan Mukim Pulau Bum-Bum memiliki sebanyak tiga puluh empat buah kampung, pengkaji hanya mampu melawat sepuluh buah kampung disebabkan kekangan masa dan faktor informan. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memilih sebanyak sepuluh buah kampung di Mukim Pulau Bum-Bum sebagai lokasi kajian bagi mengumpul cerita jenaka dan maklumat lain daripada informan. Dalam mengenal pasti informan, pengkaji bergantung kepada kenalan lama dan saudara yang memperkenalkan orang kampung yang masih mengingati dan dapat menyampaikan cerita jenaka.

Selain itu, jumlah cerita jenaka yang terkumpul dalam kajian ini juga bergantung kepada kemampuan seseorang informan yang ditemu bual. Daripada sebegitu banyak penduduk kampung, hanya tiga belas orang informan yang masih mengingati cerita jenaka yang pernah mereka dengar pada suatu ketika dahulu. Daripada tiga belas orang informan inilah pengkaji memperoleh sebanyak dua puluh sembilan buah cerita jenaka sebagai korpus kajian. Atas sebab kekangan masa dan kebergantungan kepada ingatan informan yang ditemu bual, besar kemungkinan terdapat banyak lagi cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum yang tidak dapat didokumentasikan dalam kajian ini.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu langkah positif yang menyumbang ke arah melestarikan cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum. Kajian cerita jenaka suku kaum Bajau seperti ini juga menambahkan satu lagi kajian dalam bidang cerita jenaka. Hal ini disebabkan, cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum belum dikaji lagi. Hasil daripada kajian ini akan dijadikan sumber rujukan kepada pengkaji cerita jenaka Bajau Semporna pada masa hadapan. Menerusi usaha pengumpulan dan pendokumentasian cerita jenaka ini juga, khazanah cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum akan diabadikan.

Analisis unsur humor dan kesan positif terhadap emosi seseorang, yang bakal pengkaji lakukan ke atas cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum ini akan memberi kefahaman mendalam tentang unsur-unsur kejanggalan yang

menimbulkan humor dan kesan positif yang dapat kita peroleh daripada cerita jenaka.

Akhir sekali, kajian ini telah memperkenalkan watak-watak jenaka suku kaum Bajau seperti Si Pusung, dan Si Andopal kepada umum. Penonjolan watak-watak jenaka suku kaum Bajau kepada umum adalah penting kerana setakat ini rakyat Malaysia hanya mengenali watak-watak jenaka yang terkenal popular seperti Pak Pandir, Mat Jenin dan Lebai Malang.

1.8 Rumusan

Kesimpulannya, kajian ini bertujuan untuk mengumpul, mendokumentasi dan menganalisis unsur humor dalam cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum. Sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji telah melawat lokasi kajian dan menemu bual informan yang masih mengingati cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum, Semporna. Setiap cerita jenaka yang telah dirakam daripada mulut informan akan ditranskrip ke dalam bentuk teks verbatim berdasarkan pertuturan oleh informan. Seterusnya teks verbatim tersebut akan memudahkan proses pengkategorian berdasarkan sifat watak seperti pintar bertuah, bodoh sial, bodoh bertuah dan lain-lain. Pada peringkat yang terakhir, pengkaji akan menganalisis unsur humor dalam setiap cerita jenaka Bajau berdasarkan Teori Kejanggalan. Kemudian, Teori Relief pula digunakan untuk menganalisis kesan positif humor yang terkandung dalam cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum. Dapatan kajian yang akan diperolehi nanti akan menonjolkan keistimewaan dan nilai yang terkandung dalam cerita jenaka suku kaum Bajau di Pulau Bum-Bum.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam kajian perpustakaan yang telah dijalankan oleh pengkaji di beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka Sabah, Perpustakaan Tun Fuad Stephen, Arkib Negeri Sabah dan Perpustakaan Muzium Negeri Sabah, Kota Kinabalu dan Internet; didapati sejumlah kajian yang berkaitan dengan cerita rakyat di Sabah dan Sarawak yang ditulis oleh pengkaji tempatan dan Barat telah diterbitkan. Sorotan literatur yang dilakukan oleh pengkaji ini merupakan satu proses untuk memperoleh sejumlah maklumat yang berkaitan dengan kajian cerita jenaka. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya pertindihan terhadap kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji lain dengan kajian yang bakal dilakukan ini. Semasa membuat reka bentuk kajian, seseorang pengkaji akan merujuk kepada sorotan literatur terlebih dahulu, iaitu kajian lepas yang berkaitan bagi membina kerangka teoritikal kajian, membentuk permasalahan kajian dan seterusnya mengenal pasti jurang penyelidikan yang tertinggal oleh pengkaji lain. Membuat sorotan literatur merupakan satu proses yang sangat interaktif, yakni melibatkan proses rujuk dan merujuk semula antara literatur dengan fokus kajian lepas (Othman Lebar, 2007: 79).

Pengkaji metodologi dan kaedah penyelidikan yang terkenal seperti Cooper (1984) dan Creswell (2003) melaporkan bahawa terdapat tiga bentuk sorotan literatur yang boleh diaplikasi oleh penyelidik dalam penulisan tesis dan kertas cadangan. Pertama ialah sorotan literatur yang bersifat integratif, yakni penyelidik akan membuat ringkasan umum terlebih dahulu ke atas semua bahan penerbitan yang berkaitan dengan topik kajiannya. Tindakan ini disebut oleh Creswell (2003: 32) sebagai meringkaskan tema-tema yang luas dalam bahan penerbitan (*summarizing broad themes in the literature*).

Kaedah sorotan literatur yang kedua ialah lebih kepada membuat ulasan secara teoritikal (*theoretical review*) di mana penyelidik akan memberikan tumpuan kepada teori yang berkait dengan fokus kajian yang dilakukan. Lazimnya, jenis sorotan literatur jenis ini popular digunakan dalam penulisan artikel jurnal bagi menggabungkan teori yang berhubung kait dengan kajian yang dilakukan. Oleh itu, penjelasan dan ulasan terhadap artikel atau jurnal yang ditulis oleh pengkaji lepas akan dikaitkan dengan fokus utama kajian dalam ini. Hal ini dilakukan bagi mendapatkan data penting sebanyak yang mungkin bagi menghasilkan satu penjelasan yang kritikal mengenai penggunaan teori-teori yang berkait dengan teori dalam kajian ini.

Seterusnya, sorotan literatur yang ketiga pula melibatkan ulasan metodologikal (*methodological review*), iaitu penyelidik akan memberi tumpuan kepada definisi dan kaedah kajian dalam setiap bahan yang diterbitkan yang berkait dengan fokus kajian. Secara umumnya, sorotan literatur yang dilakukan dalam kajian ini adalah dibuat berdasarkan kepada beberapa sebab yang penting. Pertama ialah untuk mengetahui apa-apa yang telah diketahui tentang topik serta mengenal pasti ruang yang terdapat dalam pengetahuan berkaitan. Kedua ialah untuk menjelaskan bagaimana kajian dapat memberi sumbangan kepada pengetahuan sedia ada tentang topik dan yang ketiga untuk mengelakkan berlakunya peniruan kerja kajian pengkaji lain (Othman Lebar, 2007: 81).

2.2 Sastera Rakyat: Satu Pengenalan

Sastera rakyat merupakan khazanah warisan budaya lisan yang diperturunkan oleh orang terdahulu melalui kaedah lisan. Menurut Harun Mat Piah *et. al* (2003), sastera rakyat adalah sesebuah kumpulan masyarakat yang diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain secara lisan. Istilah rakyat merujuk kepada penduduk sesebuah negara, iaitu sebagai syarat untuk mendirikan sesebuah pemerintahan. Justeru istilah rakyat juga melambangkan nilai budaya dan pengenalan sesebuah kelompok masyarakat dapat dibezakan. Jelasnya, istilah rakyat ini adalah merujuk kepada kumpulan masyarakat seperti rakyat jelata, marhaen dan orang awam. Pandangan Harun Mat Piah *et. al* (2003) ini turut disokong oleh Abdul Halim Bandan (2006), yang menjelaskan bahawa sastera

rakyat merupakan satu bentuk sastera Melayu tradisional yang wujud dan berkembang di Tanah Melayu. Secara umumnya, sastera rakyat ini adalah disampaikan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain secara lisan (Abdul Halim Bandan, 2006) dan (Aripin Said, 1996).

Sastera rakyat memiliki genre yang luas hasil daripada ciptaan orang terdahulu yang tidak mengetahui ilmu tulisan dan bacaan. Berhubung dengan penjelasan mengenai sastera rakyat, Mohd. Taib Osman (1972: 159) memberikan pendapatnya bahawa, sastera lisan dapat dipecahkan kepada beberapa jenis genre seperti mitos, legenda, cerita dongeng, drama tradisional, teater, teka-teki, permainan rakyat dan lagu rakyat. Misalnya, dalam penjelasan Darodji (1984: 4), mengatakan bahawa, sastera rakyat merupakan sastera yang digubah oleh rakyat sebelum bangsa Melayu mengenal baca-tulis.

Oleh sebab tidak mengenal baca-tulis, sastera rakyat hanya dapat disebarkan melalui kaedah lisan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Sastera rakyat ini terus berkembang walaupun sastera bertulis telah wujud. Sastera lisan dan tulisan ini saling mempengaruhi; sastera lisan banyak mempengaruhi sastera tulisan seperti mana sastera lisan yang dimiliki oleh rakyat jelata dan sastera tulisan pula dihasilkan oleh golongan atasan di istana. Perkara ini turut disokong oleh Aripin Said (1996) menyatakan bahawa sastera lisan adalah milik kepada golongan marhaen manakala sastera tulisan hanya berpusat di istana dan dimiliki oleh golongan istana.

Begitu juga dalam kenyataan Taha Abd. Kadir (1985) yang menjelaskan tentang sastera rakyat. Menurut Taha Abd. Kadir (1985: 1), menjelaskan bahawa, sastera rakyat Melayu merupakan satu kumpulan sastera Melayu tradisional yang tertua di Tanah Melayu. Sastera Melayu pula berkembang melalui tradisi lisan disebabkan masyarakat pada ketika itu belum mempunyai sistem tulisan. Maka sastera rakyat tercipta dalam masyarakat tanpa diketahui siapakah penciptanya dan yang menyampaikannya pada ketika itu.

Kenyataan Taha Abd. Kadir (1985), membuktikan bahawa sastera rakyat merupakan milik umum masyarakat Melayu khususnya. Pendapat tersebut pula turut dipersetujui oleh Aripin Said (1996: 13), yang menegaskan bahawa sastera rakyat lahir dengan kewujudan bangsa Melayu itu sendiri. Masyarakat Melayu primitif dan tertutup dalam lingkungan budayanya serta dibaluti oleh kepercayaan animisme yang tebal dan dipengaruhi oleh alam sekitar. Keterbatasan hidup daripada aspek ilmu pengetahuan menyebabkan pemikiran dan tindakan masyarakat terdahulu banyak dipengaruhi oleh alam sekitar.

Oleh hal yang demikian, hasil daripada penyebaran sastera rakyat melalui kaedah lisan dan juga tulisan, maka akhirnya lahirlah pelbagai genre sastera rakyat Melayu pada zaman kini iaitu, seperti cerita rakyat, cerita jenaka, cerita binatang, cerita asal usul, lagu rakyat, teka-teki, peribahasa dan lain-lain genre sastera rakyat. Memandangkan kajian ini berfokus terhadap cerita jenaka, maka perbincangan seterusnya yang akan dilakukan adalah bertumpu kepada genre cerita jenaka sahaja.

2.2.1 Cerita Jenaka

Cerita jenaka ialah sejenis cerita rakyat yang mengandungi unsur-unsur humor yang menimbulkan suasana jenaka dan merangsang tercetusnya ketawa. Menurut Danandjaja (1984: 117), cerita jenaka dikelompokkan sebagai lelucon dan anekdot yang diertikannya sebagai "dongeng-dongeng" yang dapat menimbulkan rasa yang menggelikan hati sehingga menimbulkan ketawa bagi orang yang mendengarnya, mahupun yang menceritakan.

Jika dilihat melalui pendefinisan terhadap cerita jenaka yang diperoleh daripada Harun Mat Piah *et. al* (2003: 12), menjelaskan bahawa genre cerita jenaka kebiasaannya memiliki unsur-unsur seks dalam kronologi ceritanya malah boleh dikategorikan sebagai sebuah cerita yang lucu. Misalnya cerita Pak Pandir yang popular diceritakan mengandungi unsur seks yang melucukan. Keterangan ini turut disokong oleh Shaiful Bahri Md. Radzi, (2000: 310), yang menyatakan bahawa sifat watak yang janggal seperti dalam watak Pandir mahupun watak-watak jenaka lain tergolong sebagai cerita jenaka.